

UMS, PPD Tuaran, Yayasan Hasanah lancar Projek LINC

ADVERTISEMENT

Mei 16, 2026, Sabtu - 9:36am



LOI: Soon Singh (dua dari kanan) bersama pengetua SMK Tenghilan, Richard David selepas menandatangani LoI.

TUARAN: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Tuaran dan Yayasan Hasanah melancarkan Projek Pemulihan Literasi dan Numerasi Kolaboratif (LINC) bagi membantu meningkatkan pencapaian akademik murid asrama harian B40 Tingkatan Satu di daerah ini.

ADVERTISEMENT

Inisiatif strategik itu dimeterai menerusi Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LoI) yang berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Badin sebagai langkah memperkukuh kerjasama antara institusi pengajian tinggi, pihak pendidikan daerah dan organisasi pembiayaan sosial dalam menangani isu keciciran pembelajaran di kawasan luar bandar.

Projek berkenaan dijadual dilaksanakan bermula 8 Jun hingga 25 Disember depan dengan memberi fokus kepada intervensi pemulihan akademik dalam subjek Bahasa Inggeris dan Matematik membabitkan empat sekolah asrama harian di Tuaran.

Sekolah yang terbabit ialah SMK Tun Fuad Stephens, SMK Tamparuli, SMK Tenghilan dan SMK Badin.

Ketua Penyelidik LINC'26, Prof Madya Dr Wardatul Akmam Din berkata, data Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) 2024/2025 menunjukkan tahap penguasaan literasi dan numerasi murid luar bandar berada pada tahap membimbangkan.

ADVERTISEMENT

Menurutnya, antara dapatan direkodkan ialah kadar kegagalan Matematik sebanyak 56.90 peratus di SMK Tenghilan dan 42.04 peratus di SMK Badin.

“Susulan itu, projek ini memperkenalkan pendekatan intervensi berstruktur menerusi transformasi sesi ‘Masa Prep’ di asrama harian kepada sesi mentor-murid intensif yang dikendalikan secara pengajaran berpasukan tanpa mengganggu pembelajaran arus perdana.

“Antara objektif utama projek ini ialah memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus murid yang memperoleh Gred F dalam Bahasa Inggeris dan Matematik berjaya meningkatkan pencapaian kepada Gred C atau lebih baik,” katanya dalam satu kenyataan.

Selain itu, program berkenaan turut menyasarkan pemberian sokongan remedial sebanyak 3,360 minit bagi setiap murid selain melatih 16 graduan tempatan sebagai mentor profesional menerusi program Training of Trainers (TOT).

Terdahulu, Dekan Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Prof Madya Dr Soon Singh Bikar Singh mewakili UMS memeterai LoI itu manakala PPD Tuaran diwakili Pegawai Pendidikan Daerah, Awang Seman Awang Tahir.

ADVERTISEMENT

Seramai 27 penyelidik daripada UMS, Universiti Malaysia Perlis dan PPD Tuaran terbabit dalam pelaksanaan projek berkenaan.

Program itu turut disusuli pembentangan projek kepada pengetua, penolong kanan pentadbiran, ketua bidang dan ketua panitia sekolah terbabit bagi memastikan penyelarasan awal pelaksanaan projek dapat dijalankan secara menyeluruh.

Projek itu dijangka menjadi model pemulihan akademik asrama harian yang mapan selain berpotensi diperluaskan ke sekolah lain di Sabah pada masa hadapan.


Kategory Sabah (/sabah)

f (<https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.utusanborneo.com.my/2026/05/16/ums-ppd-tuaran-yayasan-hasanah-lancar-projek-linc>)


t ([https://twitter.com/intent/tweet?text=\\$twitter_msg&url=https://www.utusanborneo.com.my/2026/05/16/ums-ppd-tuaran-yayasan-hasanah-lancar-pr](https://twitter.com/intent/tweet?text=$twitter_msg&url=https://www.utusanborneo.com.my/2026/05/16/ums-ppd-tuaran-yayasan-hasanah-lancar-pr))

G+ (<https://plus.google.com/share?url=https://www.utusanborneo.com.my/2026/05/16/ums-ppd-tuaran-yayasan-hasanah-lancar-projek-linc>)

✉ ([mailto:?subject=\\$title&body=https://www.utusanborneo.com.my/2026/05/16/ums-ppd-tuaran-yayasan-hasanah-lancar-projek-linc](mailto:?subject=$title&body=https://www.utusanborneo.com.my/2026/05/16/ums-ppd-tuaran-yayasan-hasanah-lancar-projek-linc)) 



(<https://www.seehuamarketing.com/epaper/>)



Dasar Privasi (<https://www.utusanborneo.com.my/dasar-privasi>)

Hubungi Kami (<https://www.utusanborneo.com.my/hubungi-kami>)